

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 27.03.2018**

**SOALAN : 29**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil keputusan Panel Penilaian Operasi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kes dakwaan salah guna dana MARA selepas ditolak oleh pendakwa raya dan apakah hasil kertas siasatan SPRM yang diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh tahun 2013 hingga 2017, tiada siasatan SPRM berkaitan MARA yang ditolak oleh Pendakwa Raya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN ( 30 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 MAC 2018  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]

SOALAN :

**YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pencapaian dasar dan program Kerajaan yang menjurus kepada W2020.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1991-2017, ekonomi negara telah berkembang sebanyak 5.7%, iaitu kadar yang lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan purata negara ASEAN-5 dan negara ekonomi sedang pesat membangun bagi tempoh yang sama. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pula telah meningkat lima kali ganda, iaitu daripada RM8,016 (AS\$2,915) pada tahun 1991 kepada RM41,071 (AS\$9,552) pada tahun 2017. Dari segi struktur ekonomi pula, Malaysia telah pun mencerminkan struktur ekonomi negara maju yang mana sektor perkhidmatan dan pembuatan kini menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi dengan sumbangan hampir 80% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Di samping itu, kadar inflasi dan kadar pengangguran kekal berada di paras yang rendah. Kemudahan infrastruktur dan prasarana di Malaysia pada masa ini pula hampir setanding dengan negara-negara maju serta bertaraf antarabangsa.

Pembangunan ekonomi negara ini dilaksanakan seiring dengan pembangunan sosial. Oleh itu, kemajuan ekonomi Malaysia lebih

bersifat inklusif, satu-satunya ciri yang unik bagi negara ini. Pada 2016, kadar kemiskinan mutlak hanyalah 0.4% daripada jumlah isi rumah berbanding setinggi 16.5% pada 1990.

Kejayaan sosio-ekonomi negara ini telah dicapai berasaskan pelbagai dasar dan strategi ekonomi makro yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan selama lebih empat dekad yang lepas untuk memperkukuhkan asas ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang lebih mampan. Ini termasuk mempelbagaikan struktur ekonomi dan hasil negara, mempergiatkan pelaburan swasta, meningkatkan eksport, memastikan pengurusan fiskal yang berhemah dan menggalakkan peningkatan produktiviti dan inovasi serta memastikan kesejahteraan rakyat. Pertumbuhan hijau juga turut diberi penekanan bagi memastikan alam sekitar dan sumber asli negara kekal dipelihara dan dilindungi untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Objektif mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi bukan sekadar bergantung kepada pencapaian ekonomi semata-mata. Pencapaian pertumbuhan ekonomi mestilah seiring dengan pembangunan yang bersifat inklusif dan mampan supaya kesejahteraan

rakyat meningkat setanding dengan peningkatan ekonomi. Negara yang maju bukan hanya dinilai dari segi pencapaian ekonomi semata-mata. Malah, apa yang sama penting ialah aspek insaniah seperti nilai-nilai yang baik dan mempunyai sikap serta pemikiran sebagai sebuah negara maju. Negara Asia yang maju seperti Jepun, Korea dan Taiwan menjadi penanda aras kepada Malaysia dalam aspek membudayakan nilai-nilai murni tempatan seperti kepatuhan kepada undang-undang, kesedaran terhadap kebersihan persekitaran dan pemeliharaan alam sekitar yang amat tinggi, prihatin, menghormati orang lain, semangat kerja berkumpulan atau gotong-royong dan tidak mudah berputus asa serta mampu memberi perkhidmatan dan produk yang berkualiti. Namun, masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan dari aspek ini dalam kalangan masyarakat kita.

Oleh yang demikian, apabila kesemua aspek ini dicapai, maka barulah kita boleh menganggap negara kita telah menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi sepenuhnya.

Sekian. Terima kasih.

Mac 2018